

# PM: Khabar angin yang berleluasa sekarang boleh meruntuh negara

**KUALA LUMPUR 3**  
Nov. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran bahawa sebaran khabar angin berleluasa sekarang boleh meruntuhkan negara ini pada satu hari nanti.

Perdana Menteri hairan tentang "hobi" rakyat Malaysia ini yang masih berterusan walaupun khabar-khabar angin itu kerap kali dibuktikan salah.

"Malaysia ialah sebuah negara yang gila dengan khabar angin. Satu hari nanti, negara ini mungkin dihancurkan oleh khabar-khabar angin ini," katanya dalam ucapannya di sesi pertama perbincangan

"Meja Bulat" Yayasan EMF (Economic, Monde, Forum) mengenai Malaysia di sini petang ini.

Menurutnya, orang-orang Malaysia pada umumnya suka menyebarkan khabar angin.

"Ia adalah baik bagi para spekulator dalam pasaran saham. Mereka memerlukan gerakan untuk membuat duit. Dan kerana itu, anda akan dengar bahawa PM akan meletakkan jawatan pada satu tarikh tertentu atau Encik ini atau itu makan rasuah dan matawang ringgit akan diturunkan nilai.

"Tidak kisahlah sekiranya khabar-khabar angin

ini telah dibuktikan salah berkali-kali. Semua orang suka mempercayainya dan menyebarkannya. Sekiranya ia menjcaskan negara, itu tidak apa. Khabar angin yang sedap memang menyedapkan lagi perbualan," ujarnya.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir lagi, rasuah adalah satu topik utama bagi penyebar khabar angin walaupun mereka tidak ada sebutir bukti pun mengenai dakwaan-dakwaan liar ini yang mungkin menjauhkan pelabur-pelabur asing.

Katanya, menteri-menteri dan Perdana Menteri daripada banyak negara telah datang ke Malaysia untuk melobi bagi mendapatkan kontrak bagi syarikat-syarikat swasta negara-negara mereka dan ada juga yang menawarkan bantuan kewangan sekiranya sesuatu kontrak diberikan kepada sesebuah syarikat tertentu.

Menteri-menteri dan Perdana Menteri-Perdana Menteri ini tidak dituduh makan suap, jelasnya.

"Tetapi seseorang menteri atau Perdana Menteri Malaysia hanya perlu mengetuai satu rombongan perdagangan ke luar untuk dituduh rasuah," ujarnya.

Menurutnya, keadaan ini menjejaskan usaha pemimpin-pemimpin kerajaan dalam memajukan ekonomi negara dan akhirnya mereka cuba mengelak diri daripada para usahawan.

"Ini pula menyebabkan mereka dituduh sebagai sombong dan tidak berfadhah," katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga bercakap tentang kebebasan akhbar di negara ini dan alasan-alasan daripada pihak-pihak tertentu bahawa khabar angin adalah perlu kerana akhbar-akhbar kononnya hanya mencetak propaganda kerajaan sahaja.

Beliau kemudiannya mengingatkan bahawa walaupun kebebasan bukanlah satu lesen, ia bukan juga percuma kerana untuk mendapatkan kebebasan, seseorang itu juga mestilah bertanggungjawab.